

2016

DUTI SETEM

14

PENGENALAN

Duti setem ialah cukai yang dikenakan atas dokumen / surat cara yang mempunyai kesan perundangan, komersil atau kewangan seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949

KEPENTINGAN DUTI SETEM

Dokumen / surat cara hendaklah disetamkan dengan sempurna supaya ia boleh diterima sebagai bukti di mahkamah

TEMPOH MASA PENYETEMAN

- Dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia
- Dalam tempoh 30 hari selepas ianya pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia

Penalti lewat penysetaman dikenakan jika disetamkan selepas tempoh masa yang ditetapkan

JENIS DUTI

DUTI TETAP

➤ Duti dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara

➤ Contoh surat cara:
Surat kuasa wakil, perkara-perkara persatuan bagi syarikat, nota janji hutang, polisi insurans, surat cara pendua dan sebagainya

DUTI AD VALOREM

➤ Duti dikenakan berdasarkan balasan dinyatakan dalam dokumen / surat cara atau nilai pasaran

➤ Contoh surat cara:
Surat cara pindah milik harta tanah, pindah milik saham, perjanjian pindah milik perniagaan, perjanjian sewa, perjanjian pinjaman dan sebagainya

AWAS! ELAKKAN SETEM HASIL PALSU
Tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada individu yang terlibat dalam penipuan atau pemalsuan duti setem

ADJUDIKASI DOKUMEN / SURAT CARA

Permohonan adjudikasi dokumen / surat cara perlu dikemukakan ke Pejabat Setem Cawangan / Pusat Khidmat Hasil bagi menentukan amaun duti yang dikenakan

KAEDAH PENYETEMAN

- Setem Tertera (sistem frangki digital)
- Setem Pelekat – Setem Hasil (dijual di Pejabat Pos sahaja)
- Resit Rasmi – Kew. 38
- Resit / Sijil Setem (dijana oleh STAMPS)

PEMBAYARAN DUTI SETEM

- Pejabat Setem Cawangan LHDNM
- Pusat Khidmat Hasil
- Pejabat Daerah dan Tanah yang tertentu
- Pusat Transformasi Bandar (UTC) - UTC Johor sahaja

CARA BAYARAN

- Wang tunai
- Setem Hasil (jika duti tidak melebihi RM500)
- Kiriman wang, wang pos, cek akaun anak guam atau bank deraf atas nama Pemungut Duti Setem
- Perbankan internet (**ByrHASIL**) dengan bank-bank ahli FPX atau CIMB Clicks / CIMB Biz Channel

PENALTI

- RM25.00 atau 5% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas penysetaman
- RM50.00 atau 10% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penysetaman
- RM100.00 atau 20% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 6 bulan selepas tempoh penysetaman

UNTUK KETERANGAN LANJUT, LAYARI
<https://stamps.hasil.gov.my>
atau
www.hasil.gov.my



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LHDNM/R14/16



/LHDNM



/LHDNM



/LHDNM



1-800-88-5436 (LHDN)

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

HASIL Teman Keceriaan Anda